

# Mudajaya Corp mula projek MRT bulan ini

**P**AKEJ kerja jejambat V3 Mass Rail Transit (MRT) bernilai RM816 juta yang diberikan kepada Mudajaya Corporation Bhd (Mudajaya Corporation) akan dimulakan bulan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Azhar Abdul Hamid (*gambar*) berkata, pakej itu dianugerahkan kepada Mudajaya Corporation pada Jun lalu dan syarikat itu dipertanggungjawabkan membina 'guideway' jejambat MRT dan kerja lain yang berkaitan dari Dataran Sunway ke Seksyen 17.

"Jejambat guideway sepanjang 6.03 kilometer ini dijangka siap pada suku pertama 2016 dan akan diselenggarakan dengan tiga stesen MRT utama iaitu The Curve, 1 Utama dan Taman Tun Dr Ismail.

"Daripada lapan pakej kerja jejambat ini, MRT Corp sudah mengeluarkan tujuh pakej manakala baki pakej,



## Fakta

Daripada 85 pakej kerja, MRT Corp sudah memberikan 37 pakej, 19 dinilai dan tender untuk 29 masih belum dipanggil

V8 (Taman Mesra-Kajang), dijangka dianugerahkan pada akhir Ogos ini," katanya di Kuala Lumpur.

Daripada jumlah 85 pakej

kerja, MRT Corp sudah memberikan 37 pakej, 19 dinilai dan tender untuk 29 masih belum dipanggil selain menyasar untuk mengagihkan 29 pakej menjelang akhir tahun.

Azhar berkata, jumlah kos projek MRT akan ditentukan menjelang akhir tahun manakala kos bahan binaan dan bekalan simen dibiarkan kepada kontraktor individu.

"Kami sedang cuba untuk menguruskan harga keluli sebanyak mungkin memandangkan kontraktor kecil tidak boleh mendapatkan harga yang baik. Ini boleh dicapai dengan mendapatkan bahan-bahan ini secara berpusat.

"Masih belum ada keputusan lagi mengenai siapa yang akan menjadi pembekal kerana proses ini sedang dinilai dan kami akan menentukan pembekal yang boleh memberi tawaran terbaik yang memenuhi keperluan kita," katanya.